



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

GARIS PANDUAN

Kemasukan Murid ke Tingkatan Enam

TAHUN 2025

**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



<https://sst6.moe.gov.my>



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya



#JomMasukTingkatan6

ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	PENGENALAN	
1.1.	Tujuan	4
1.2.	Pendahuluan	4
1.3.	Semakan Tawaran	5
1.4.	Lapor Diri	5
2.0	PENGURUSAN KEMASUKAN MURID KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2025	
2.1	Tindakan Jabatan Pendidikan Negeri	6
2.2	Tindakan Pejabat Pendidikan Daerah	7
2.3	Tindakan Kolej Tingkatan Enam/Pusat Tingkatan Enam	8
2.4	Tindakan Sekolah Asal	10
2.5	Tindakan Murid	10
3.0	SYARAT KEMASUKAN KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2025	
3.1	Syarat Kemasukan ke Tingkatan Enam	11
3.2	Syarat Kemasukan ke Tingkatan Enam bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)	15
3.3	Syarat Permohonan Ke Tingkatan Enam (Aliran Tahfiz) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Ambilan Tahun 2025	18
3.4	Syarat Rayuan Kemasukan Ke Tingkatan Enam Melalui Autonomi Pengetua	19
4.0	RAYUAN KEMASUKAN MURID WARGANEGARA KE TINGKATAN ENAM BAGI CALON SPM TAHUN 2024 SECARA DALAM TALIAN (AUTONOMI PENGETUA)	
4.1	Maklumat Umum	22
4.2	Proses Kerja	22
4.3	Tempoh Rayuan	23
5.0	RAYUAN KEMASUKAN MURID WARGANEGARA KE TINGKATAN ENAM BAGI CALON SPM TAHUN 2024 SECARA MANUAL (AUTONOMI PENGETUA)	
5.1	Maklumat Umum	24
5.2	Proses Kerja	24

5.3	Tempoh Rayuan	25
6.0	RAYUAN KEMASUKAN MURID WARGANEGARA KE TINGKATAN ENAM BAGI CALON SPM TAHUN 2021,2022 DAN 2023 SECARA DALAM TALIAN (AUTONOMI PENGETUA)	
6.1	Maklumat Umum	26
6.2	Proses Kerja	26
6.3	Tempoh Rayuan	27
7.0	RAYUAN KEMASUKAN MURID WARGANEGARA KE TINGKATAN ENAM BAGI CALON SPM TAHUN 2021, 2022 DAN 2023 SECARA MANUAL (AUTONOMI PENGETUA)	
7.1	Maklumat Umum	28
7.2	Proses Kerja	28
7.3	Tempoh Rayuan	29
8.0	PANDUAN MENGISI BORANG TUKAR BIDANG (T6BRTB)	30
9.0	PERMOHONAN KE TINGKATAN ENAM TAHFIZ SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA (SMKA) DAN SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) AMBILAN TAHUN 2025	
9.1	Keterangan	31
9.2	Tindakan Calon	31
9.3	Cara Mengemukakan Permohonan	32
9.4	Makluman dan Perhatian	32
10.0	PERMOHONAN PENGURUSAN KEMASUKAN MURID BUKAN WARGANEGARA	33
	LAMPIRAN 1 (BRT6-A)	
	Borang Rayuan Kemasukan Murid Warganegara Ke Tingkatan Enam Bagi Calon SPM Tahun 2024 (Autonomi Pengetua)	34
	LAMPIRAN 2 (BRT6-B)	
	Borang Rayuan Kemasukan Murid Warganegara Ke Tingkatan Enam Bagi Calon SPM Tahun 2021, 2022 Dan 2023 (Autonomi Pengetua)	36
	LAMPIRAN 3	
	Borang Permohonan Rayuan Tukar Bidang Tingkatan Enam (T6BRTB)	38
	LAMPIRAN X1	40
	Borang Rayuan Umum Kemasukan Murid Warganegara ke Tingkatan Enam (BRT6-C)	
	LAMPIRAN X2	42

Borang Rayuan Kemasukan Murid Bukan Warganegara ke
Tingkatan Enam (BRT6-D)

LAMPIRAN 4

Direktori Bahagian Berkaitan dengan Kemasukan Murid ke
Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 44

LAMPIRAN 5

Inventori Minat Kerjaya 45

LAMPIRAN 6

Soal Selidik Minat Kerjaya 50

LAMPIRAN 7

Soalan Lazim Kemasukan Murid ke Tingkatan Enam 55

LAMPIRAN 8

Carta Alir Proses Tawaran Dan Rayuan Kemasukan Ke Tingkatan Enam
Semester 1 Tahun 2025 61

LAMPIRAN 9

Carta Alir Proses Rayuan Melalui Jawatankuasa Autonomi Pengetua
Kemasukan Ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 62

KEMASUKAN MURID KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2025

1.0 PENGENALAN

1.1 Tujuan

- 1.1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pentadbir serta guru di sekolah berkaitan pengurusan kemasukan murid ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025.
- 1.1.2 Garis Panduan Kemasukan Murid ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 ini perlu dibaca secara bersama-sama dengan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, arahan dan peraturan berkaitan yang sedang berkuat kuasa serta yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 1.1.3 Garis panduan ini terpakai kepada semua Pusat Tingkatan Enam (PTE) KPM yang melaksanakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

1.2 Pendahuluan

- 1.2.1 Pada tahun 2025, terdapat 634 buah PTE di 16 buah negeri yang meliputi 581 buah sekolah harian (SH), 41 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), 9 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), 2 buah Sekolah Berasrama Penuh dan sebuah Sekolah Pendidikan Khas. Maklumat ini merangkumi 27 buah Kolej Tingkatan Enam (Prauniversiti) (Mod 1), 96 buah (Mod 2) dan 511 buah (Mod 3).
- 1.2.2 Pengambilan dan penawaran murid ke tingkatan enam diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian melalui sistem dalam talian, iaitu Sistem Pengurusan Tawaran dan Permohonan Tingkatan Enam (<https://sst6.moe.gov.my>). Walau bagaimanapun, terdapat juga pengambilan dan penawaran murid ke tingkatan enam yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP) bagi **Kolej Islam Sultan Alam Shah** dan **Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu** serta Bahagian Pendidikan Islam bagi kelas yang menawarkan mata pelajaran Tahfiz Al-Quran iaitu di **SMKA Kedah, SMKA Putrajaya, SMKA Maahad Muar, SMKA Kerian, SMK(A) Tok Bachok, SMA Imtiaz Kemaman, SMKA Kota Kinabalu, SMKA Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail dan SMKA Sheikh Hj Othman Abd Wahab dan Sekolah Agama Menengah Muhammadiyah.**

1.3 Semakan Tawaran

- 1.3.1 Murid lepasan SPM tahun 2024 boleh menyemak keputusan tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 melalui pautan <https://sst6.moe.gov.my> atau <https://moe.gov.my> mulai **19 sehingga 25 Mei 2025** secara dalam talian.
- 1.3.2 Murid yang layak dan bersetuju menerima tawaran dikehendaki melengkapkan maklumat tambahan seperti nombor telefon dan alamat e-mel yang boleh dihubungi oleh pihak PTE.
- 1.3.3 Semua murid yang layak akan diberikan surat tawaran secara dalam talian. Surat tawaran hendaklah disimpan dan diserahkan kepada PTE pada hari pendaftaran.
- 1.3.4 Calon yang sedang menunggu tawaran masuk ke program tertentu bawah rancangan bersama kerajaan, persiapan ke luar negara dan sebagainya, **perlu melapor diri ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025** terlebih dahulu sehingga mendapat pengesahan tawaran berkenaan.

1.4 Laporan Diri

- 1.4.1 Murid hendaklah memulakan sesi pengajian pada hari pertama persekolahan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 pada **10 Jun 2025** bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan kumpulan B.
- 1.4.2 Murid yang tidak melapor diri **selepas 19 Jun 2025** dianggap menolak tawaran berkenaan. Sekiranya murid berkenaan masih berminat menyambung pengajian di tingkatan enam, murid berkenaan perlu merujuk kepada JPN/PPD untuk semakan lanjut.

2.0 PENGURUSAN KEMASUKAN MURID KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2025

2.1 Tindakan JPN

Sebelum:

- 2.1.1 Menyerahkan senarai dan maklumat murid layak serta surat pemakluman dan garis panduan kemasukan murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 kepada PPD di negeri masing-masing.
- 2.1.2 Memberi penataran kepada PPD berkaitan pengurusan kemasukan murid tingkatan enam.
- 2.1.3 Menghebahkan pengurusan kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 kepada PPD di negeri masing-masing.
- 2.1.4 Memastikan keperluan guru di daerah dioptimumkan bagi melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).
- 2.1.5 Memastikan kesediaan PPD sebelum menerima kehadiran murid semester 1 tahun 2025.
- 2.1.6 Memberi fokus kepada keperluan jadual waktu, kesediaan murid dan guru dalam melaksanakan PdP.

Semasa:

- 2.1.7 Mematuhi Surat Pemakluman dan Garis Panduan Kemasukan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 dan memastikan dasar, surat pekeliling, surat siaran dan surat pemakluman sentiasa dipatuhi.
- 2.1.8 Memastikan pelaksanaan PdP bermula pada tarikh yang telah ditetapkan.
- 2.1.9 Memastikan pihak sekolah mengemas kini data murid di dalam Sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan Malaysia (MOEIS).

Selepas:

- 2.1.10 Menghantar laporan kemasukan murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 ke Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM selewat-lewatnya pada **30 Jun 2025**.
- 2.1.11 Mengurus permohonan rayuan bagi murid tingkatan enam.

2.2 Tindakan PPD

Sebelum:

- 2.2.1 Menyerahkan senarai dan maklumat murid layak serta surat pemakluman dan garis panduan kemasukan murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 kepada PTE di daerah masing-masing.
- 2.2.2 Memberi penataran kepada PTE berkaitan pengurusan kemasukan murid tingkatan enam.
- 2.2.3 Menghebahkan pengurusan kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 kepada PTE dan sekolah asal di daerah masing-masing.
- 2.2.4 Memastikan keperluan guru di PTE dioptimumkan bagi melaksanakan PdP.
- 2.2.5 Memastikan PTE telah bersedia sebelum menerima kehadiran murid Semester 1 Tahun 2025.
- 2.2.6 Memberi fokus kepada keperluan jadual waktu, kesediaan murid dan guru dalam melaksanakan PdP.
- 2.2.7 Memastikan sekolah asal membantu murid yang tiada capaian internet menyemak tawaran ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025.

Semasa:

- 2.2.8 Mematuhi Garis Panduan Kemasukan Murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025, surat pekeliling, surat siaran dan surat makluman.
- 2.2.9 Memastikan sesi pengajian bermula selepas sahaja minggu hala tuju murid Tingkatan Enam selesai dilaksanakan. (surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2023: Pengurusan Minggu Pertama Persekolahan Mulai Sesi Akademik 2025/2026 Kementerian Pendidikan Malaysia).
- 2.2.10 Memastikan pihak PTE mengemaskini data murid dalam Sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan Malaysia (MOEIS)

Selepas:

- 2.2.11 Menghantar laporan Minggu Hala Tuju Tingkatan Enam Semester 1 ke JPN.
- 2.2.12 Mengurus permohonan rayuan bagi murid-murid tingkatan enam.

2.3 Tindakan PTE

Sebelum:

- 2.3.1 Memastikan guru telah diberi taklimat berkaitan kemasukan murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025.
- 2.3.2 Merangka jadual waktu semasa PdP bagi semua guru.
- 2.3.3 Memastikan semua pihak yang berkepentingan seperti guru, ibu bapa/penjaga serta murid memahami pelaksanaan jadual waktu PdP.
- 2.3.4 Merancang pelaksanaan PdP dan tutorial berdasarkan jadual waktu PdP yang telah ditetapkan.
- 2.3.5 Bagi murid yang tidak mempunyai capaian Internet, pihak sekolah akan membantu membuat semakan keputusan tawaran.
- 2.3.6 Pihak sekolah juga akan membantu menguruskan rayuan murid dan memaklumkan keputusan permohonan rayuan bagi murid yang tidak mempunyai capaian internet.

Semasa:

- 2.3.7 Mematuhi Garis Panduan Kemasukan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025, surat pekeliling, surat siaran dan surat makluman.
- 2.3.8 Mengagihkan murid mengikut kelas yang telah ditetapkan berdasarkan pakej mata pelajaran yang sedia ada.
- 2.3.9 Guru Kaunseling menyelaras Minggu Hala Tuju Murid Tingkatan Enam.
- 2.3.10 Guru mata pelajaran memberikan taklimat kepada murid mengikut pakej mata pelajaran yang ditawarkan.
- 2.3.11 Guru Kokurikulum memberikan taklimat kepada murid berkaitan aktiviti-aktiviti kokurikulum Tingkatan Enam.
- 2.3.12 Pihak PTE perlu mengemas kini maklumat murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 dalam Sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan Malaysia (MOEIS) bermula pada hari pertama murid melapor diri.

Selepas:

2.3.13 Menghantar laporan Minggu Hala Tuju Tingkatan Enam Semester 1 selewat-lewatnya **30 Jun 2025**.

2.3.14 Sesi pengajian bermula berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan.

2.4 Tindakan Sekolah Asal

Semasa:

- 2.4.1 Membantu murid yang tiada akses internet untuk membuat semakan dan rayuan.

2.5 Tindakan Murid

Sebelum:

- 2.5.1 Murid lepasan SPM tahun 2024 perlu menyemak keputusan tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 melalui pautan <https://sst6.moe.gov.my> atau <https://moe.gov.my> mulai **19 hingga 25 Mei 2025** secara dalam talian.
- 2.5.2 Murid yang layak dan bersetuju menerima tawaran dikehendaki melengkapkan maklumat tambahan seperti nombor telefon dan alamat e-mel yang boleh dihubungi oleh pihak PTE.
- 2.5.3 Semua murid yang ditawarkan hendaklah menyimpan dan mencetak surat tawaran serta diserahkan kepada pihak sekolah pada hari pendaftaran.
- 2.5.4 Murid hendaklah melaporkan diri pada hari pertama pengajian Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025.
- 2.5.5 Murid yang sedang menunggu tawaran kemasukan ke institusi pengajian tinggi perlu melaporkan diri terlebih dahulu ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 sehingga mendapat pengesahan tawaran berkenaan.

Semasa:

- 2.5.6 Mematuhi Garis Panduan Kemasukan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025, surat pekeliling, surat siaran dan surat makluman.
- 2.5.7 Murid dikehendaki hadir minggu hala tuju dan mengikuti PdP mengikut jadual yang ditetapkan.
- 2.5.8 Mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh PTE bagi tujuan rekod.

Selepas:

- 2.5.9 Murid boleh menyemak dan mencetak keputusan rayuan pada **3 Jun 2025**.
- 2.5.10 Murid yang berjaya dalam rayuan akan melaporkan diri di PTE pada **10 Jun 2025**.

3.0 SYARAT KEMASUKAN KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2025

3.1 Syarat Kemasukan ke Tingkatan Enam

3.1.1 Syarat Am

- a. **Lulus SPM** dengan mendapat sekurang-kurangnya **kepujian** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu**.
- b. Berumur antara **17** hingga **20** tahun pada 1 Januari pada tahun 2025.

3.1.2 Syarat Khas

a. Bidang Sains

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 18 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Matematik/Matematik Tambahan.
- Fizik.
- Kimia.
- Biologi.
- Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik/ Reka Cipta/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal.

b. Bidang Sains Sosial

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 12 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu.
- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Inggeris/ Kesusasteraan Melayu Komunikatif
- Sejarah.
- Geografi/ Pendidikan Seni Visual.
- Pendidikan Muzik/ Lukisan/ Sejarah dan Pengurusan Seni/ Seni Halus 2D/ Seni Halus 3D/ Reka bentuk Grafik/ Multimedia Kreatif/ Reka Bentuk Kraf/ Reka Bentuk Industri/ Produksi Seni Persembahan/ Alat Muzik Utama/ Muzik Komputer/ Aural dan Teori/ Tarian/ Koreografi Tari/ Apresiasi Tari/ Lakonan/ Penulisan Skrip/ Sinografi.
- Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral.
- Matematik/ Matematik Tambahan.
- Prinsip Perakaunan.
- Sains/ Sains Tambahan.
- Pembinaan Domestik/ Kerja Paip Domestik/ Pendawaian Domestik/ Kimpalan Arka dan Gas/ Menservis Automobil/ Menservis Motosikal/ Menservis Peralatan Penyejuk dan

Penyaman Udara/ Menservis Peralatan Elektrik Domestik/ Rekaan dan Jahitan Pakaian/ Katering dan Penyajian/ Pemprosesan Makanan/ Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/ Landskap dan Nurseri/ Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/ Tanaman Makanan/ Produksi Multimedia/ Pembuatan Perabot/ Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut/ Gerontologi Asas dan Geriatrik/ Produksi Reka Tanda/ Hiasan Dalaman/ Reka Bentuk Grafik Digital.

- Tasawwur Islam/ Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Usul Al-Din/ Al-Syariah.
- Hifz Al-Quran/ Maharat Al-Quran.
- Bahasa Cina/ Bahasa Tamil/ Bahasa Arab/ Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/ Turath Dirasat Islamiah/ Turath Bahasa Arab/ Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/ Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/ Al-Adab Wa Al-Balaghah/ Bahasa Iban/ Bahasa Kadazandusun/ Bahasa Punjabi/ Kesusasteraan Tamil/ Kesusasteraan Cina/ Bible Knowledge/ Bahasa Semai.
- Pengajian Keusahawanan/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Ekonomi/ Perniagaan.

c. Sains Sosial (Agama)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred D** bagi mata pelajaran Bahasa Arab/Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Turath Bahasa Arab

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 14 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu.
- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Inggeris/ Kesusasteraan Melayu Komunikatif.
- Sejarah.
- Geografi/ Pendidikan Seni Visual/ Pendidikan Muzik/ Lukisan/ Sejarah dan Pengurusan Seni/ Seni Halus 2D/ Seni Halus 3D/ Reka bentuk Grafik/ Multimedia Kreatif/ Reka Bentuk Kraf/ Reka Bentuk Industri/ Produksi Seni Persembahan/ Alat Muzik Utama/ Muzik Komputer/ Aural dan Teori/ Tarian/ Koreografi Tari/ Apresiasi Tari/ Lakonan/ Penulisan Skrip/ Sinografi.
- Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral.
- Matematik/ Matematik Tambahan.
- Prinsip Perakaunan.
- Pembinaan Domestik/ Kerja Paip Domestik/ Pendawaian Domestik/ Kimpalan Arka dan Gas/ Menservis Automobil/ Menservis Motosikal/ Menservis Peralatan Penyejuk dan Penyaman Udara/ Menservis Peralatan Elektrik Domestik/ Rekaan dan Jahitan Pakaian/ Katering dan Penyajian/ Pemprosesan Makanan/ Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/ Landskap dan Nurseri/ Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/

Tanaman Makanan/ Produksi Multimedia/ Pembuatan Perabot/ Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut/ Gerontologi Asas dan Geriatrik/ Produksi Reka Tanda/ Hiasan Dalam/ Reka Bentuk Grafik Digital.

- Sains/ Sains Tambahan.
- Tasawwur Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Usul Al-Din.
- Hifz Al-Quran/ Maharat Al-Quran.
- Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Al-Syariah.
- Bahasa Arab/ Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/ Turath Dirasat Islamiah/ Turath Bahasa Arab / Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/ Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/ Al-Adab Wa Al-Balaghah.
- Pengajian Keusahawanan/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Ekonomi/ Perniagaan.

Di Sekolah Berasrama Penuh bagi Kolej Islam Sultan Alam Shah dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam mata pelajaran Bahasa Arab/Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Turath Bahasa Arab

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 14 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu.
- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Inggeris/ Kesusasteraan Melayu Komunikatif
- Sejarah.
- Geografi/ Pendidikan Seni Visual/ Pendidikan Muzik/ Lukisan/ Sejarah dan Pengurusan Seni/ Seni Halus 2D/ Seni Halus 3D/ Reka bentuk Grafik/ Multimedia Kreatif/ Reka Bentuk Kraf/ Reka Bentuk Industri/ Produksi Seni Persembahan/ Alat Muzik Utama/ Muzik Komputer/ Aural dan Teori/ Tarian/ Koreografi Tari/ Apresiasi Tari/ Lakonan/ Penulisan Skrip/ Sinografi.
- Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral.
- Matematik/ Matematik Tambahan.
- Prinsip Perakaunan.
- Pembinaan Domestik/ Kerja Paip Domestik/ Pendawaian Domestik/ Kimpalan Arka dan Gas/ Menservis Automobil/ Menservis Motosikal/ Menservis Peralatan Penyejuk dan Penyaman Udara/ Menservis Peralatan Elektrik Domestik/ Rekaan dan Jahitan Pakaian/ Katering dan Penyajian/ Pemprosesan Makanan/ Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/ Landskap dan Nurseri/ Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/ Tanaman Makanan/ Produksi Multimedia/ Pembuatan Perabot/ Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut/ Gerontologi Asas

dan Geriatrik/ Produksi Reka Tanda/ Hiasan Dalam/ Reka Bentuk Grafik Digital.

- Sains/ Sains Tambahan.
- Tasawwur Islam/ Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Usul Al-Din.
- Hifz Al-Quran/ Maharat Al-Quran.
- Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Al-Syariah.
- Bahasa Arab/ Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/ Turath Dirasat Islamiah/ Turath Bahasa Arab / Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/ / Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/ Al-Adab Wa Al-Balaghah.
- Pengajian Keusahawanan/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Ekonomi/ Perniagaan.

3.2 Syarat Kemasukan ke Tingkatan Enam bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)

3.2.1 Syarat Am

- a. **Lulus SPM** dengan mendapat sekurang-kurangnya **lulus** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu**.
- b. Berumur di antara **17** hingga **21** tahun pada 1 Januari pada tahun 2025.

3.2.2 Syarat Khas

a. Bidang Sains

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 18 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Matematik/ Matematik Tambahan.
- Fizik.
- Kimia.
- Biologi.
- Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik/ Reka Cipta/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal.

b. Bidang Sains Sosial

i. Sekolah Menengah Harian.

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 18 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu.
- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Inggeris/ Kesusasteraan Melayu Komunikatif
- Sejarah.
- Geografi.
- Pendidikan Seni Visual.
- Komunikasi Visual.
- Seni Halus.
- Teater.
- Reka Bentuk.
- Pendidikan Muzik.
- Muzik.
- Tari.
- Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral.
- Matematik/ Matematik Tambahan.
- Prinsip Perakaunan.
- Sains/ Sains Tambahan.

- Pembinaan Domestik/ Kerja Paip Domestik/ Pendawaian Domestik/ Kimpalan Arka dan Gas/ Menservis Automobil/ Menservis Motosikal/ Menservis Peralatan Penyejuk dan Penyaman Udara/ Menservis Peralatan Elektrik Domestik/ Rekaan dan Jahitan Pakaian/ Katering dan Penyajian/ Pemprosesan Makanan/ Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/ Landskap dan Nurseri/ Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/ Tanaman Makanan/ Produksi Multimedia/ Pembuatan Perabot/ Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut/ Gerontologi Asas dan Geriatrik/ Produksi Reka Tanda/ Hiasan Dalamana/ Reka Bentuk Grafik Digital.
- Tasawwur Islam/ Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Usul Al-Din/ Al-Syariah.
- Hifz Al-Quran/ Maharat Al-Quran.
- Bahasa Arab/ Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/ Turath Dirasat Islamiah/ Turath Bahasa Arab / Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/ Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/ Al-Adab Wa Al-Balaghah/ Bahasa Cina/ Bahasa Tamil/ Bahasa Iban/ Bahasa Kadazandusun/ Bahasa Punjabi/ Kesusasteraan Tamil/ Kesusasteraan Cina/ Bible Knowledge/ Bahasa Semai.
- Pengajian Keusahawanan/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Ekonomi/ Perniagaan.

ii. Sains Sosial (Agama)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred D** bagi mata pelajaran Bahasa Arab/Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Turath Bahasa Arab.

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 18 unit bagi 3 mata pelajaran** elektif seperti yang berikut:

- Tasawwur Islam.
- Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Usul Al-Din.
- Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Al-Syariah.
- Bahasa Arab/ Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/ Turath Dirasat Islamiah/ Turath Bahasa Arab / Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/ Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/ Al-Adab Wa Al-Balaghah.
- Hifz Al-Quran/ Maharat Al-Quran.

Di Sekolah Berasrama Penuh bagi Kolej Islam Sultan Alam Shah dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** bagi mata pelajaran Bahasa Arab/Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Turath Bahasa Arab.

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 18 unit bagi 3 mata pelajaran** elektif seperti yang berikut:

- Tasawwur Islam.
- Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Usul Al-Din.
- Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Al-Syariah.
- Bahasa Arab/ Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/ Turath Dirasat Islamiah/ Turath Bahasa Arab / Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/ Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/ Al-Adab Wa Al-Balaghah.
- Hifz Al-Quran/ Maharat Al-Quran.

3.3 Syarat Permohonan Ke Tingkatan Enam Tahfiz Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Ambilan Tahun 2025

Syarat Am

- 3.3.1 Warganegara Malaysia
- 3.3.2 **Lulus SPM** dengan mendapat sekurang-kurangnya **lulus** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu**.
- 3.3.3 Berumur di antara **17** hingga **21** tahun pada 1 Januari pada tahun 2025.

Syarat Khusus

- 3.3.4 Murid yang memperoleh kepujian atau sekurang-kurangnya **Gred C** dalam mata pelajaran Bahasa Arab / Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah/ Al-Adab wa al-Balaghah/ Turath Bahasa Arab;
- 3.3.5 Murid yang memperoleh kepujian atau sekurang-kurangnya **Gred C** dalam mata pelajaran;
 - a. Hifz al-Quran/ Maharat al-Quran; atau
 - b. Pendidikan Islam/ Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah / Usul al-Din/ Al-Syariah/ Manahij al-'Uloom al-Islamiah/ Turath al-Quran dan al-Sunnah/ Turath Dirasat Islamiah; dan
- 3.3.6 Telah menghafaz sekurang-kurangnya 7 juzuk dan diperakui oleh sekolah atau institusi tahfiz;
- 3.3.7 Bersetuju mengikuti program ini sehingga tamat 3 semester.

3.4 SYARAT RAYUAN KEMASUKAN KE TINGKATAN ENAM MELALUI AUTONOMI PENGETUA

3.4.1 Syarat Am

- a. **Warganegara Malaysia**
- b. **Layak** memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- c. Mendapat sekurang-kurangnya **kepujian** bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.
- d. Berumur antara **17 hingga 21 tahun** pada 1 Januari tahun semasa.
- e. Tidak menerima sebarang tawaran kemasukan ke tingkatan enam.
- f. Markah Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan Kokurikulum (PAJSK) sekurang-kurangnya **5 peratus**.

3.4.2 Syarat Khas

Bidang Sains

Mendapat sekurang-kurangnya **dua kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 18 unit** bagi 3 mata pelajaran daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Matematik/Matematik Tambahan.
- Fizik.
- Kimia.
- Biologi.
- Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik/ Reka Cipta/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal.

Bidang Sains Sosial

Lepasan SPM yang memperoleh **21 mata unit dan ke atas** bagi mata pelajaran sains tulen (Kimia, Biologi, Fizik, Matematik Tambahan), tetapi memperoleh **18 mata unit dan ke bawah** bagi mata pelajaran kemanusiaan boleh dipertimbangkan untuk kemasukan ke bidang Sains Sosial.

Mendapat sekurang-kurangnya **dua kepujian** dengan jumlah mata gred tidak melebihi **18 mata unit** bagi 3 mata pelajaran daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Inggeris/ Kesusasteraan Melayu Komunikatif
- Sejarah.
- Geografi/ Pendidikan Seni Visual.
- Pendidikan Muzik/ Lukisan/ Sejarah dan Pengurusan Seni/ Seni Halus 2D/ Seni Halus 3D/ Reka bentuk Grafik/ Multimedia Kreatif/ Reka Bentuk Kraf/ Reka Bentuk Industri/ Produksi Seni Persembahan/ Alat Muzik Utama/ Muzik Komputer/ Aural dan Teori/ Tarian/ Koreografi Tari/ Apresiasi Tari/ Lakonan/ Penulisan Skrip/ Sinografi.

- Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral.
- Matematik/ Matematik Tambahan.
- Prinsip Perakaunan.
- Sains/ Sains Tambahan.
- Pembinaan Domestik/ Kerja Paip Domestik/ Pendawaian Domestik/ Kimpalan Arka dan Gas/ Menservis Automobil/ Menservis Motosikal/ Menservis Peralatan Penyejuk dan Penyaman Udara/ Menservis Peralatan Elektrik Domestik/ Rekaan dan Jahitan Pakaian/ Katering dan Penyajian/ Pemprosesan Makanan/ Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/ Landskap dan Nurseri/ Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/ Tanaman Makanan/ Produksi Multimedia/ Pembuatan Perabot/ Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut/ Gerontologi Asas dan Geriatrik/ Produksi Reka Tanda/ Hiasan Dalaman/ Reka Bentuk Grafik Digital.
- Tasawwur Islam/ Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Usul Al-Din/ Al-Syariah.
- Hifz Al-Quran/ Maharat Al-Quran.
- Bahasa Cina/ Bahasa Tamil/ Bahasa Arab/ Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/ Turath Dirasat Islamiah/ Turath Bahasa Arab/ Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/ Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/ Al-Adab Wa Al-Balaghah/ Bahasa Iban/ Bahasa Kadazandusun/ Bahasa Punjabi/ Kesusasteraan Tamil/ Kesusasteraan Cina/ Bible Knowledge/ Bahasa Semai.
- Pengajian Keusahawanan/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Ekonomi/ Perniagaan.

Bidang Sains Sosial (Agama)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred E** dalam mata pelajaran Bahasa Arab/Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Turath Bahasa Arab dan

Mendapat sekurang-kurangnya **dua kepujian** dengan jumlah mata gred tidak melebihi **18 unit** bagi 3 mata pelajaran daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Inggeris/ Kesusasteraan Melayu Komunikatif.
- Sejarah.
- Geografi/ Pendidikan Seni Visual/ Pendidikan Muzik/ Lukisan/ Sejarah dan Pengurusan Seni/ Seni Halus 2D/ Seni Halus 3D/ Reka bentuk Grafik/ Multimedia Kreatif/ Reka Bentuk Kraf/ Reka Bentuk Industri/ Produksi Seni Persembahan/ Alat Muzik Utama/ Muzik Komputer/ Aural dan Teori/ Tarian/ Koreografi Tari/ Apresiasi Tari/ Lakonan/ Penulisan Skrip/ Sinografi.
- Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral.
- Matematik/ Matematik Tambahan.
- Prinsip Perakaunan.
- Pembinaan Domestik/ Kerja Paip Domestik/ Pendawaian Domestik/ Kimpalan Arka dan Gas/ Menservis Automobil/ Menservis Motosikal/ Menservis Peralatan Penyejuk dan Penyaman Udara/ Menservis Peralatan Elektrik Domestik/ Rekaan dan Jahitan Pakaian/ Katering dan

Penyajian/ Pemprosesan Makanan/ Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/ Landskap dan Nurseri/ Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/ Tanaman Makanan/ Produksi Multimedia/ Pembuatan Perabot/ Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut/ Gerontologi Asas dan Geriatrik/ Produksi Reka Tanda/ Hiasan Dalaman/ Reka Bentuk Grafik Digital.

- Sains/ Sains Tambahan.
- Tasawwur Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Usul Al-Din.
- Hifz Al-Quran/ Maharat Al-Quran.
- Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Al-Syariah.
- Bahasa Arab/ Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/ Turath Dirasat Islamiah/ Turath Bahasa Arab / Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/ Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/ Al-Adab Wa Al-Balaghah.
- Pengajian Keusahawanan/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Ekonomi/ Perniagaan.

- 3.4.3 Permohonan rayuan kemasukan ke tingkatan enam di Kolej Islam Sultan Alam Shah dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu serta bagi kelas yang menawarkan mata pelajaran Tahfiz Al-Quran kekal menggunakan syarat sedia ada.

4.0 RAYUAN KEMASUKAN MURID WARGANEGARA KE TINGKATAN ENAM BAGI CALON SPM TAHUN 2024 SECARA DALAM TALIAN (AUTONOMI PENGETUA)

4.1 Maklumat Umum

- 4.1.1 Lulusan SPM yang layak tetapi tidak ditawarkan ke Tingkatan Enam Semester 1 boleh melengkapkan borang rayuan dalam talian <https://sst6.moe.gov.my/>
- 4.1.2 Calon yang tidak ditawarkan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 disebabkan gagal memperoleh gred kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu SPM 2024, tetapi berjaya mendapat kepujian dalam peperiksaan SPM Ulangan boleh membuat rayuan pada **tahun 2026**.
- 4.1.3 Keputusan dan penempatan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Rayuan Autonomi Pengetua dalam tempoh yang ditetapkan.
- 4.1.4 Tempoh rayuan adalah **mulai 19 Mei 2025** hingga **25 Mei 2025**.
- 4.1.5 Kelulusan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat.

4.2 Proses Kerja:

- 4.2.1 Murid membuat permohonan dengan mengisi borang rayuan dalam talian.
- 4.2.2 Borang rayuan yang lengkap diisi perlu dihantar untuk diproses.
- 4.2.3 Pengetua menubuhkan jawatankuasa rayuan di peringkat PTE bagi mempertimbangkan permohonan rayuan yang diterima. (rujuk surat makluman KPM.600-8/2/12 Jld.11(35) bertarikh 4 Ogos 2023)
- 4.2.4 Jawatankuasa memproses permohonan rayuan berdasarkan syarat yang telah ditetapkan serta mengambil kira perkara yang berikut:
 - 4.2.4.1 menyemak kohort umur pemohon dan syarat kelayakan berdasarkan **perkara 3.4**;
 - 4.2.4.2 menentukan bidang yang bersesuaian berdasarkan kelayakan akademik jika pemohon tidak menyatakan bidang yang dipilih atau bidang yang dipilih tidak memenuhi syarat atau bidang yang dipilih tiada kekosongan;
 - 4.2.4.3 menentukan mata gred/mata unit yang diperoleh;
 - 4.2.4.4 menyenaraikan pemohon yang layak mengikut keutamaan mata gred/mata unit; dan
 - 4.2.4.5 menentukan jumlah penempatan maksimum berdasarkan kekosongan tempat yang masih ada di PTE. Keutamaan hendaklah diberikan kepada pemohon yang terbaik mata gred/mata unit dan markah kegiatan kokurikulum.

- 4.2.5 Keputusan rayuan boleh disemak melalui <https://sst6.moe.gov.my/> mulai **3 Jun 2025**.
 - 4.2.6 Calon yang berjaya perlu mencetak surat tawaran, menyimpan dan menyerahkan kepada pihak PTE pada tarikh lapor diri.
 - 4.2.7 Murid perlu melapor diri di PTE mengikut tarikh yang dimaklumkan dalam surat tawaran. Kelulusan permohonan rayuan akan **terbatal** sekiranya murid tidak melaporkan diri dalam tempoh yang ditetapkan.
- 4.3 Tempoh Rayuan:
- 4.3.1 Tempoh permohonan rayuan melalui autonomi pengetua dibuka mulai **19 Mei hingga 25 Mei 2025**;
 - 4.3.2 Jawatankuasa Autonomi Rayuan Pengetua perlu memproses permohonan rayuan bermula **26 Mei 2025 hingga 29 Mei 2025**;
 - 4.3.3 Keputusan rayuan boleh disemak melalui <https://sst6.moe.gov.my/> mulai **3 Jun 2025**; dan
 - 4.3.4 Murid perlu melapor diri pada **10 Jun 2025** bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan kumpulan B.

5.0 RAYUAN KEMASUKAN MURID WARGANEGARA KE TINGKATAN ENAM BAGI CALON SPM TAHUN 2024 SECARA MANUAL (AUTONOMI PENGETUA)

5.1 Maklumat Umum

- 5.1.1 Lulusan SPM yang layak tetapi tidak ditawarkan ke Tingkatan Enam Semester 1 boleh memuat turun borang rayuan dalam talian melalui <https://sst6.moe.gov.my/> mulai **19 hingga 25 Mei 2025**.
- 5.1.2 Borang rayuan boleh diperoleh dari JPN/PPD/PTE yang berhampiran.
- 5.1.3 Pengisian borang manual ini **tidak terpakai** bagi calon yang telah mengisi permohonan secara dalam talian.
- 5.1.4 Kegunaan borang manual ini hanya dibenarkan untuk murid yang **tiada akses internet**.
- 5.1.5 Calon yang tidak ditawarkan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 disebabkan gagal memperoleh gred kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu SPM 2024, tetapi berjaya mendapat kepujian dalam peperiksaan SPM Ulangan boleh membuat rayuan pada tahun **2026**.
- 5.1.6 Keputusan dan penempatan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Rayuan Autonomi Pengetua dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.1.7 Pertimbangan hanya diberikan kepada permohonan yang memenuhi syarat rayuan kemasukan murid warganegara seperti yang dinyatakan pada **perkara 3.4**
- 5.1.8 Kelulusan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat.
- 5.1.9 Borang permohonan tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

5.2 Proses Kerja:

- 5.2.1 Murid membuat permohonan dengan mengisi borang rayuan (**LAMPIRAN 1**). Borang rayuan boleh diperoleh melalui <https://sst6.moe.gov.my/>, JPN, PPD dan PTE.
- 5.2.2 Borang rayuan yang lengkap diisi perlu dihantar ke PTE pilihan.
- 5.2.3 Borang ini hendaklah disertakan bersama-sama dengan salinan dokumen yang telah disahkan seperti yang berikut:
 - a. **slip keputusan peperiksaan SPM 2024;**
 - b. **sijil kelahiran;**
 - c. **kad pengenalan/pasport;**
 - d. **sijil berhenti sekolah;**
 - e. **pelaporan PAJSK;**
 - f. **kad OKU (MBPK); dan**
 - g. **dokumen lain yang berkenaan.**

- 5.2.4 Pengetua menubuhkan **Jawatankuasa Rayuan Autonomi Pengetua** di peringkat PTE bagi mempertimbangkan permohonan rayuan yang diterima.
- 5.2.5 Jawatankuasa memproses permohonan rayuan berdasarkan syarat yang telah ditetapkan serta mengambil kira perkara yang berikut:
 - 5.2.5.1 menyemak kohort umur pemohon dan syarat kelayakan berdasarkan **perkara 3.4**;
 - 5.2.5.2 menentukan bidang yang bersesuaian berdasarkan kelayakan akademik jika pemohon tidak menyatakan bidang yang dipilih atau bidang yang dipilih tidak memenuhi syarat atau bidang yang dipilih tiada kekosongan;
 - 5.2.5.3 menentukan mata gred/mata unit yang diperoleh;
 - 5.2.5.4 menyenaraikan pemohon yang layak mengikut keutamaan mata gred/mata unit; dan
 - 5.2.5.5 menentukan jumlah penempatan maksimum berdasarkan kekosongan tempat yang masih ada di PTE. Keutamaan hendaklah diberikan kepada pemohon yang terbaik mata gred/mata unit dan markah kegiatan kokurikulum.
- 5.2.6 Pengetua PTE perlu menghantar senarai cadangan kelulusan kepada PPD/JPN bagi dikeluarkan surat tawaran kepada semua pemohon yang berjaya.
- 5.2.7 Calon yang berjaya perlu menyimpan surat tawaran.
- 5.2.8 Murid perlu melaporkan diri di PTE mengikut tarikh yang dimaklumkan dalam surat tawaran. Kelulusan permohonan rayuan akan terbatal sekiranya murid tidak melaporkan diri dalam tempoh yang ditetapkan.

5.3 Tempoh Rayuan:

- 5.3.1 Tempoh permohonan rayuan melalui autonomi pengetua dibuka mulai **19 hingga 25 Mei 2025**;
- 5.3.2 Jawatankuasa perlu memproses permohonan rayuan bermula **26 hingga 29 Mei 2025**;
- 5.3.3 Surat keputusan rayuan perlu dikeluarkan kepada semua pemohon selewat-lewatnya pada **3 Jun 2025**; dan
- 5.3.4 Murid melaporkan diri pada **10 Jun 2025** bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan kumpulan B.

6.0 RAYUAN KEMASUKAN MURID WARGANEGARA KE TINGKATAN ENAM BAGI CALON SPM TAHUN 2021, 2022 DAN 2023 SECARA DALAM TALIAN (AUTONOMI PENGETUA)

6.1 Maklumat Umum

6.1.1 **Murid lepasan SPM tahun 2021, 2022 dan 2023** boleh membuat rayuan secara dalam talian melalui <https://sst6.moe.gov.my/> mulai **19 hingga 25 Mei 2025**.

6.1.2 Keputusan dan penempatan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Rayuan Autonomi Pengetua dalam tempoh yang ditetapkan.

6.1.3 Kelulusan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat.

6.2 Proses Kerja:

6.2.1 Murid membuat permohonan dengan mengisi borang rayuan dalam talian.

6.2.2 Borang rayuan yang lengkap diisi perlu dihantar untuk diproses.

6.2.3 Pengetua menubuhkan jawatankuasa rayuan di peringkat PTE bagi mempertimbangkan permohonan rayuan yang diterima. (rujuk surat makluman KPM.600-8/2/12 Jld.11(35) bertarikh 4 Ogos 2023)

6.2.4 Jawatankuasa memproses permohonan rayuan berdasarkan syarat yang telah ditetapkan serta mengambil kira perkara yang berikut:

6.2.4.1 menyemak kohort umur pemohon dan syarat kelayakan berdasarkan **perkara 3.4**;

6.2.4.2 menentukan bidang yang bersesuaian berdasarkan kelayakan akademik jika pemohon tidak menyatakan bidang yang dipilih atau bidang yang dipilih tidak memenuhi syarat atau bidang yang dipilih tiada kekosongan;

6.2.4.3 menentukan mata gred/mata unit yang diperoleh;

6.2.4.4 menyenaraikan pemohon yang layak mengikut keutamaan mata gred/mata unit; dan

6.2.4.5 menentukan jumlah penempatan maksimum berdasarkan kekosongan tempat yang masih ada di PTE. Keutamaan hendaklah diberikan kepada pemohon yang terbaik mata gred/mata unit dan markah kegiatan kokurikulum.

6.2.5 Keputusan rayuan boleh disemak melalui <https://sst6.moe.gov.my/> pada **3 Jun 2025**.

6.2.6 Calon yang berjaya perlu mencetak surat tawaran, menyimpan dan menyerahkan kepada pihak PTE pada tarikh lapor diri.

6.2.7 Murid perlu melapor diri di PTE mengikut tarikh yang dimaklumkan dalam surat tawaran. Kelulusan permohonan rayuan akan terbatal sekiranya murid tidak melaporkan diri dalam tempoh yang ditetapkan.

6.3 Tempoh Rayuan:

- 6.3.1 Tempoh permohonan rayuan melalui autonomi pengetua dibuka mulai **19 hingga 25 Mei 2025**;
- 6.3.2 Jawatankuasa Autonomi Rayuan Pengetua perlu memproses permohonan rayuan bermula **26 hingga 29 Mei 2025**;
- 6.3.3 Keputusan rayuan boleh dimuat turun melalui <https://sst6.moe.gov.my/> mulai **3 Jun 2025**; dan
- 6.3.4 Murid perlu melapor diri pada **10 Jun 2025** bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan kumpulan B.

7.0 RAYUAN KEMASUKAN MURID WARGANEGARA KE TINGKATAN ENAM BAGI CALON SPM TAHUN 2021, 2022 DAN 2023 SECARA MANUAL (AUTONOMI PENGETUA)

7.1 Maklumat Umum

- 7.1.1 **Murid lepasan SPM tahun 2021, 2022 dan 2023** boleh membuat rayuan secara manual menggunakan borang rayuan seperti pada **LAMPIRAN 1** mulai **19 Mei 2025** hingga **25 Mei 2025**.
- 7.1.2 Keputusan dan penempatan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Rayuan Autonomi Pengetua dalam tempoh yang ditetapkan.
- 7.1.3 Pengisian borang manual ini **tidak terpakai** bagi calon yang telah mengisi permohonan secara dalam talian.
- 7.1.4 Kegunaan borang manual ini hanya dibenarkan untuk murid yang **tiada akses internet**.
- 7.1.5 Pertimbangan hanya diberikan kepada permohonan yang memenuhi syarat rayuan kemasukan murid warganegara ke tingkatan enam bagi calon SPM tahun 2021, 2022 dan 2023 (autonomi pengetua).
- 7.1.6 Kelulusan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat.
- 7.1.7 Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

7.2 Proses Kerja:

- 7.2.1 Murid membuat permohonan dengan mengisi borang rayuan (**LAMPIRAN 2**). Borang rayuan boleh diperoleh melalui <https://sst6.moe.gov.my/>, JPN, PPD dan PTE.
- 7.2.2 Borang rayuan yang lengkap diisi perlu dihantar ke PTE pilihan.
- 7.2.3 Borang ini hendaklah disertakan bersama-sama dengan salinan dokumen yang telah disahkan seperti yang berikut:
 - a. **slip keputusan peperiksaan SPM;**
 - b. **sijil kelahiran;**
 - c. **kad pengenalan/pasport;**
 - d. **sijil berhenti sekolah;**
 - e. **pelaporan PAJSK; dan**
 - f. **dokumen lain yang berkenaan.**
- 7.2.4 Pengetua menubuhkan jawatankuasa rayuan di peringkat PTE bagi mempertimbangkan permohonan rayuan yang diterima.

7.2.5 Jawatankuasa memproses permohonan rayuan berdasarkan syarat yang telah ditetapkan serta mengambil kira perkara yang berikut:

- 7.2.5.1 menyemak kohort umur pemohon dan syarat kelayakan berdasarkan **perkara 3.4**;
- 7.2.5.2 menentukan bidang yang bersesuaian berdasarkan kelayakan akademik jika pemohon tidak menyatakan bidang yang dipilih atau bidang yang dipilih tidak memenuhi syarat atau bidang yang dipilih tiada kekosongan;
- 7.2.5.3 menentukan mata gred/mata unit yang diperoleh;
- 7.2.5.4 menyenaraikan pemohon yang layak mengikut keutamaan mata gred/mata unit; dan
- 7.2.5.5 menentukan jumlah penempatan maksimum berdasarkan kekosongan tempat yang masih ada di PTE. Keutamaan hendaklah diberikan kepada pemohon yang terbaik mata gred/mata unit dan markah kegiatan kokurikulum.

7.2.6 Pengetua PTE perlu menghantar senarai cadangan kelulusan kepada PPD/JPN bagi dikeluarkan surat tawaran kepada semua pemohon yang berjaya.

7.2.7 Calon yang berjaya perlu menyimpan surat tawaran.

7.2.8 Murid perlu melapor diri di PTE mengikut tarikh yang dimaklumkan dalam surat tawaran. Kelulusan permohonan rayuan akan terbatal sekiranya murid tidak melaporkan diri dalam tempoh yang ditetapkan.

7.3 Tempoh Rayuan:

7.3.1 Tempoh permohonan rayuan melalui autonomi pengetua dibuka mulai **19 hingga 25 Mei 2025**;

7.3.2 Jawatankuasa perlu memproses permohonan rayuan bermula **26 hingga 29 Mei 2025**;

7.3.3 Surat keputusan rayuan perlu dikeluarkan kepada semua pemohon selewat-lewatnya pada **3 Jun 2025**; dan

7.3.4 Murid melapor diri pada **10 Jun 2025** bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan kumpulan B.

8.0 PANDUAN MENGISI BORANG TUKAR BIDANG (T6BRTB)

- 8.1 Borang **T6BRTB** ini adalah untuk kegunaan murid yang hendak membuat rayuan tukar bidang Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025.
- 8.2 Borang ini hendaklah disertakan bersama dengan salinan dokumen yang telah disahkan seperti yang berikut:
 - a. **slip keputusan peperiksaan SPM 2024;**
 - b. **inventori minat kerjaya; dan**
 - c. **dokumen yang berkaitan.**
- 8.3 Permohonan tukar bidang boleh dibuat mulai **10 hingga 12 Jun 2025**.
- 8.4 Permohonan hendaklah dihantar ke JPN/PPD untuk kelulusan.
- 8.5 Keputusan permohonan akan dimaklumkan pada **23 Jun 2025** oleh pihak sekolah.
- 8.6 Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- 8.7 Borang permohonan rayuan tukar bidang (T6BRTB) adalah seperti pada **LAMPIRAN 3**.

9.0 PERMOHONAN KE TINGKATAN ENAM TAHFIZ SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA (SMKA) DAN SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) AMBILAN TAHUN 2025

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membuka permohonan kepada lepasan SPM tahun 2024 untuk mengikuti tingkatan enam tahfiz di PTE berikut:

- SMK Agama Putrajaya
- SMK Agama Kedah
- SMK Agama Kerian
- SMK Agama Maahad Muar
- SMK Agama Tok Bachok
- SMK Agama Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail
- SMK Agama Kota Kinabalu
- SMK Agama Sheikh Hj Othman Abd Wahab
- Sekolah Menengah Agama IMTIAZ Kemaman
- Sekolah Agama Menengah Muhammadiyah

9.1 Keterangan

- 9.1.1 Pelaksanaan Tingkatan Enam Tahfiz ini menggabungkan antara hafazan al-Quran, bahan ilmiah secara tutorial dan amali qiraat dalam tempoh masa selama tiga semester.
- 9.1.2 Pengajian tahfiz ini bertujuan melahirkan murid yang mantap hafazan, mahir dalam ilmu yang berkaitan dengan al-Quran dan cemerlang akhlak serta menyediakan murid ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.
- 9.1.3 Kandungan mata pelajaran tahfiz al-Quran yang diperkenalkan di tingkatan enam tahfiz adalah untuk memantapkan hafazan 30 juzuk al-Quran, Maharat Ulum al-Quran, asas Maharat Qiraat Ilmi dan Amali bacaan Imam Qiraat 'Asyarah; dan mengaplikasi Maharat al-Rasm, Dhabt al-Quran dan Fawasil.

9.2 Tindakan Calon.

- 9.2.1 Calon perlu mempunyai akaun gmail yang aktif sebelum membuat permohonan.
- 9.2.2 Ruangan yang bertanda (*) adalah wajib diisi.
- 9.2.3 Sila baca dengan teliti sebelum mengisi maklumat yang diminta.
- 9.2.4 Hanya permohonan yang lengkap sahaja yang akan diproses.
- 9.2.5 Calon SPM 2021, 2022, 2023 dan 2024 boleh membuat permohonan selepas keputusan SPM 2024 diumumkan.

9.3 Cara mengemukakan permohonan.

9.3.1 Permohonan boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari laman sesawang **<https://sst6.moe.gov.my>** mulai **25 April 2025**

9.3.2 Calon yang didapati memberi maklumat salah dan palsu dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran kemasukan. Maklumat ini juga akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran murid.

9.3.3 Tarikh tutup permohonan adalah pada **4 Mei 2025 (Ahad), jam 11:59 malam**

9.4 Makluman dan Perhatian

9.4.1 Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya dipanggil temu duga akan dimaklumkan melalui laman sesawang <https://sst6.moe.gov.my> bermula **19 hingga 25 mei 2025**.

9.4.2 Calon yang gagal boleh mengemukakan surat rayuan ke alamat e-mel **khamal.mddaud@moe.gov.my** bermula **19 Mei hingga 2 Jun 2025**.

10.0 PERMOHONAN PENGURUSAN KEMASUKAN MURID BUKAN WARGANEGARA

10.1 Murid **BUKAN WARGANEGARA** yang hendak melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam perlu merujuk Seksyen 130 Akta Pendidikan 1996 Peraturan-peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 **serta** tertakluk kepada syarat am kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2025 dan kekosongan tempat.

10.2 Penerimaan **masuk murid bukan warganegara ke sekolah kerajaan.**

